

Penularan COVID-19

# Pelaksanaan PKPP akan diteliti semula: PM

Muhyiddin turut lahir kebimbangan peningkatan kes positif

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang akan berakhir 31 Disember depan, perlu diteliti kembali, terutama bagi kawasan yang sedang menghadapi penularan semula wabak COVID-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin, berkata ia

membabitkan kawasan di Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Perak.

"Dalam mesyuarat hari ini (semalam), saya berbincang mengenai PKPP yang akan berakhir Disember ini, sedangkan situasi semasa masih tidak berubah sehingga ada sesetengah kawasan terpaksa dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Saya berpandangan, ada keperluan untuk PKPP ini diteliti semula bagi kawasan-kawasan yang sedang menghadapi penularan semula wabak COVID-19 terutama di negeri seperti Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Perak," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau malam tadi.

Perdana Menteri turut melahirkan kebimbangan melihat peningkatan kes positif COVID-19



Muhyiddin mempengerusikan Sidang Khas MKN harian mengenai COVID-19 menerusi sidang video.

(Foto ihsan FB Muhyiddin Yassin)

di beberapa kawasan dalam negeri terbabit yang bertukar daripada Zon Hijau kepada Zon Kuning atau Merah.

Katanya, ia masih berlaku biarpun tindakan dan pendekatan secara mitigasi dan intervensi sudah dipertingkatkan.

Muhyiddin sebelum ini mengumumkan PKPP yang sepatutnya berakhir pada 31 Ogos lalu, dilanjutkan sehingga 31 Disember ini.

Menerusi lanjutan itu, tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

(Akta 342) masih boleh diambil bagi memastikan semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan yang ditetapkan.

Sementara itu, menyentuh kes positif membabitkan petugas di Parlimen, Muhyiddin mengakui timbul sedikit kebimbangan kerana kedudukan bangunan Parlimen sendiri dalam Zon Merah dan membabitkan pergerakan keluar masuk Ahli Parlimen, pegawai mereka serta kakitangan di situ.

"Seperti kita sedia maklum, sidang Dewan Rakyat baru saha-

ja bermula semalam (kelmarin) dan berlangsung dalam keadaan norma baharu dengan SOP diperkenalkan.

"Bagaimanapun sepanjang minggu ini, sidang Parlimen diadakan setakat jam 1 tengah hari sahaja berikutan ada beberapa kes COVID-19 yang membabitkan beberapa petugas di bangunan Parlimen," katanya.

Muhyiddin berkata, beliau yakin Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun, dapat menggunakan kebijaksanaannya dalam menguruskan perkara itu.